

Headline **Kayu daripada batang kelapa sawit**
Date **03 Dec 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **Fairus Kassim**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **23**
Article Size **306 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,048**
PRValue **18,144**



Kayu daripada batang kelapa sawit

Oleh **FAIRUS KASSIM**

Kayu sawit setanding cengal

KUALA LUMPUR 2 Dis. – Batang pokok kelapa sawit yang ditebang dan dibiarkan begitu sahaja sering mencemarkan alam sekitar dan menjadi tempat pembiakan makhluk perosak, kini mempunyai nilai pasaran yang tinggi hasil kepakaran Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM).

Batangnya boleh diproses untuk dijadikan kayu alternatif dalam pembuatan perabot kerana kualitasnya lebih baik berbanding kayu getah malah setanding dengan kayu cengal.

Selain itu, ia juga mampu memberi nafas baharu kepada industri perabot kerana penggantungan terhadap industri pembalakan banyak menjejaskan ekosistem negara.

Teknologi kayu alternatif yang dikenali sebagai MYScrim-OPT (batang kelapa sawit terlerai) telah dihasilkan oleh Datuk Dr. Marzalina Mansor dan Dr. Wan Tarmeze Wan Ariffin.

MYScrim-OPT pernah memenangi Anugerah Inovasi Terbaik di Anugerah Inovasi Dunia di Geneva pada

tahun 2008 dan kini melalui proses pengkomersialan melalui FRIM.

Marzalina yang merupakan Pengarah FRIM Projek Utama-MYScrim berkata, sejumlah 125,000 hektar daripada lima juta hektar ladang di Malaysia mengandungi 17 juta pokok kelapa sawit yang melebihi usia 25 tahun, ditebang setiap tahun.

Daripada jumlah itu, hanya tiga peratus digunakan untuk tujuan tertentu manakala selebihnya dibuang begitu sahaja dan dibakar untuk pelupusan jangka pendek kerana tidak mempunyai nilai, kata beliau.

“Teknologi MYScrim-OPT mampu meningkatkan nilai bahan buangan ini dan memberi pendapatan sampingan kepada pengusaha ladang kelapa sawit tempatan,” katanya selepas majlis bual bicara Industri Baharu OPT anjuran Malaysian Timber Council (MTC) di sini hari ini.

Marzalina berkata, bagi mengkomersialkan MYScrim-OPT, FRIM memerlukan sokongan pihak swasta untuk membangunkan pusat pemrosesannya yang mana kos RM300 juta berikutan menggunakan teknologi dari Amerika Syarikat.

Headline	Kayu daripada batang kelapa sawit	Language	Malay
Date	03 Dec 2010	Page No	23
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	306 cm²
Section	Ekonomi	Color	Full Color
Journalist	Fairus Kassim	ADValue	6,048
Frequency	Daily	PRValue	18,144
Circ / Read	197,952 / 833,287		

Katanya, walaupun memerlukan pelaburan yang sangat besar, industri ini berpotensi besar untuk berjaya dan pelabur mampu memperoleh semula pelaburan mereka dalam tempoh kurang daripada lima tahun.

“Ketika ini, kami telah berbincang dengan beberapa syarikat yang berminat untuk mengkomersialkan MYScrim-OPT dan terbaharu dengan MY Woods Resources Sdn. Bhd. (MY Wood).

“Fasa pertama pelaksanaannya adalah membina sebuah pusat pemprosesan percubaan bernilai RM50 juta sebelum membina pusat pemprosesan sebenar,” jelasnya.

Katanya, FRIM akan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat yang terpilih pada suku pertama tahun depan untuk membina pusat pemprosesan percubaan.

“Berdasarkan maklum balas, syarikat itu mampu membuka pusat pemprosesan sebenar sebelum akhir tahun ini kerana permintaan terhadap kayu sangat tinggi di peringkat antarabangsa,” ujarnya.



(DARI kiri) Wan Tarmeze, Marzalina Mansor, Pengarah Bahagian Perniagaan MY Wood, Huang Yuan Chin, Pengarah Pembangunan Industri MTC, Wong Tuck Meng dan Pengarah Pentadbiran Kewangan MY Wood, Vincent Yong meneliti kayu MYScrim-OPT di MTC, semalam. - UTUSAN/PANASONIC LUMIX